

# Unit Kaunseling & Kerjaya HEPA

Wan Saniah Wan Yahya dan Nur Aimi Muslim

Unit Kaunseling & Kerjaya dahulunya dikenali sebagai Unit Kaunseling bermula pada Jun 2006 dengan kemasukan seorang kaunselor iaitu Pn. Wan Saniah Wan Yahya yang ditempatkan di Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia. Walau bagaimanapun, pada bulan September 2006 Unit Kaunseling telah dipindahkan ke Jabatan Canselori di Bangunan KWSP Kangar. Semua program dan aktiviti Unit Kaunseling pada ketika itu dipantau sepenuhnya oleh Naib Canselor.

Pada bulan November 2007 Unit Kaunseling menerima seorang pembantu tadbir iaitu Cik Azieda Azizan yang membantu menjalankan tugas-tugas pentadbiran Unit Kaunseling. Pada Januari 2008 UniMAP telah menerima pertukaran skim Kaunselor kepada Pegawai Psikologi.

Pada 1 Oktober 2008 Unit Kaunseling UniMAP sekali lagi dipindahkan semula ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bagi memudahkan urusan pertemuan dengan pelajar-pelajar UniMAP. Kini unit ini dikenali sebagai Unit Kaunseling & Kerjaya, telah menempatkan dua orang Pegawai Psikologi melalui kemasukan seorang lagi Pegawai Psikologi iaitu Pn. Nur Aimi Muslim pada Mei 2009 yang bertanggungjawab membimbing para pelajar Universiti Malaysia Perlis ke arah kecemerlangan akademik, sahsiah, kerjaya dan kehidupan mereka di masa hadapan secara umumnya. Kami juga mengamalkan sikap mesra pelajar selaras dengan moto Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

## Pegawai Unit:

1. Pn. Wan Saniah Wan Yahya

*Pegawai Psikologi*

2. Pn. NurAimi Muslim

*Pegawai Psikologi*

3. CikAziedaAzizan

*Pembantu Tadbir*

## **Tinta Permata Daripada Unit Kaunseling & Kerjaya**

**"Kekecewaan mengajar kita erti kehidupan. Teruskan perjuangan kita walaupun terpaksa menghadapi rintangan demi rintangan dalam hidup"**

Pemilihan kerjaya merupakan sesuatu yang kompleks dalam kehidupan terutamanya kepada mereka yang masih lagi tercari-cari apa yang merekakehendaki di dalam kehidupan dan kerjaya. Berikut adalah beberapa tips bagi memudahkan ataupun bagi menjadi panduan kepada individu dalam membuat pemilihan kerjaya.

1. Kerjaya harus dipilih berdasarkan apa yang diminati atau disukai.
2. Kerjaya yang dipilih haruslah berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki.
3. Kerjaya tidak harus datang secara paksaan contohnya dari ibu bapa atau keluarga.
4. Kerjaya bukanlah untuk dicuba-cuba (trial & error).
5. Seseorang perlu yakin dengan kerjaya yang diceburinya. Kejayaan bukan datang dalam sekilip mata. Ia akan memakan masa. Oleh itu ketekunan dan istiqamah serta doa amat penting dalam menjamin kerjaya masa depan.
6. Kerjaya yang dipilih haruslah tidak bersandarkan kepada faktor kewangan semata-mata. faktor lain yang lebih penting harus diambil kira.
7. Sebelum memilih sesuatu kerjaya dapatkan informasi sebanyak mungkin terlebih dahulu.
8. Jumpa orang yang lebih berpengalaman dan bertanya soalan-soalan yang relevan kepada mereka. Dengan kata lain dapatkan nasihat daripada mereka yang pakar.
9. Dapatkan restu dari kedu-dua ibu bapa. Restu mereka amat penting dalam menjamin kejayaan anda.

10. Lakukanlah Solat Istiharah dan berserah pada Allah s.w.t. Hanya Dia sahaja yang maha mengetahui dan penentu segalanya.

## **PANDUAN MENGHADIRI "JOB FAIR"**

Mendaftar awal

Lihat senarai kehadiran majikan yang mengambil bahagian.

- samada dalam buku program
- atau biasanya dipaparkan di pintu masuk dewan

Dapatkan maklumat tentang kehendak syarikat/majikan

Sediakan pelbagai soalan berkaitan untuk diajukan pada majikan

.....dan berlatih !!!

## **Sebagai tambahan :**

Datang dengan keadaan bersedia mental dan fizikal

Berpakaian kemas seolah-olah akan menghadiri temuduga

Bawa dokumen, sijil-sijil, resume yang telah disusun dalam fail dengan

Kemas dan mudah dirujuk.

## **Jangan lupa ...**

Membina jaringan yang efektif dengan pengunjung lain

Menunjukkan keyakinan dan minat

Temui pelbagai wakil syarikat bukan setakat yang anda berminat sahaja

Gunakan kemahiran mendengar dan menyayal ketika berkomunikasi.

Tanyakan soalan-soalan berkaitan sahaja.

Buat tugasan follow-up yang proaktif dengan majikan

Dapatkan maklumat yang diperlukan sebanyak mungkin

Kekalkan hubungan berterusan yang proaktif dengan majikan / syarikat yang didekati.

Jangan lupa menghantar kad ucapan terima kasih kepada majikan / syarikat selepas anda di temuduga.

### Tips Menghadapi Temuduga

#### Tingkahlaku dan Adab Semasa Temuduga

1. Jangan sekali-kali mengeluarkan kata-kata yang tidak benar semasa dalam temuduga.
2. Jika anda tidak tahu jawapan yang disoal itu, janganlah cuba hendak berbohong ataupun mendiamkan diri sahaja, kerana ini akan melemahkan peluang anda
3. Bersedia memberitahu penemuduga tentang keluarga anda, persekolahan, kegemaran dan aktiviti anda. Jangan bercakap melebihi dan yang tidak sepatutnya.
4. Jangan berbincang apa-apa masalah peribadi anda semasa temuduga.
5. Jika anda pernah bekerja dahulu, berilah keterangan dengan ringkas dan tepat berkenaan dengan pekerjaan itu.
6. Jangan sekali-kali anda cuba hendak mencela bekas majikan anda.
7. Nyatakan kelayakan dan kelulusan anda yang benar, tetapi janganlah membesar-besarkan perkara itu.
8. Anda hendaklah mengetahui serba sedikit akan tugas-tugas yang bersabit dengan pekerjaan itu, masa yang dijangka kena bekerja dan gajinya yang akan dibayar pada permulaannya.
9. Bersedia lah untuk memberitahu kadar gaji yang anda ingin. Walau bagaimanapun biarlah penemuduga itu mengemukakan perkara itu terlebih dahulu.
10. Jika penemuduga tidak menyatakan tarikh yang sepatutnya anda mengetahui keputusan temuduga itu, eloklah anda bertanya supaya anda boleh datang lagi ke pejabatnya untuk mengetahui keputusan itu. Jika ia bersetuju tanyakan tarikh dan masa yang sesuai baginya.

11. Biarkan penemuduga itu menamatkan temuduga.

12. Ucapkan terima kasih kepada penemuduga kerana memberi peluang kepada anda menyertai temuduga itu.

13. Semasa hendak masuk ke bilik temuduga JANGANLAH gentar. Buatlah seperti biasa saja. Ucapkan "Selamat Pagi" atau "Selamat Petang" mengikut pada keadaan waktu. Ini nanti akan memberi perasaan mesra di antara anda dan penemuduga.

14. Jangan hulurkan tangan anda untuk berjabat tangan selagi penemuduga itu tidak berbuat gerakan dahulu yang ianya hendak berbuat demikian.

15. Janganlah anda duduk selagi tidak disuruh. Apabila anda disuruh duduk, ucapkan terima kasih dan duduklah dengan sempurna serta tegakkan badan. Jangan menggelisah.

16. Jangan anda letakkan barang-barang atau tangan ataupun siku anda di atas meja penemuduga itu.

17. Jangan anda cuba hendak mengalih keadaan kerusi yang disediakan itu.

18. Jangan goyang-goyangkan kaki ataupun menggerakkannya di sana sini. Jangan pula anda cuba hendak membaca surat-surat dan lain-lain kertas di atas meja penemuduga itu

19. Biarkan penemuduga itu memulakan temuduga.

20. Janganlah anda menjawab soalan-soalan dengan tergopoh-gapah. Sebaliknya jawablah dengan tenang dan jelas serta mudah didengar. Jawapan yang anda beri itu hendaklah tepat. Jangan bercakap panjang lebar, dan jangan gunakan bahasa kasar

21. Apabila bercakap pandanglah ke muka penemuduga itu. Jika ahli-ahli panel yang menemuduga itu lebih daripada seorang maka arahkan jawapan-jawapan anda kepada Ketua Panel

22. Gunakan perkataan seperti Tuan atau Puan pada orang yang tertentu dari masa ke semasa, tetapi janganlah selalu menggunakanannya

23. Jangan menyampuk semasa penemuduga itu sedang bercakap dan jangan sekali-kali berbalah dengannya.

24. Jangan merokok ataupun mengunyah apa-apa di dalam mulut

#### Nilaikan Diri Anda

Sebelum anda menghadiri temuduga, anda seharusnya sudah dapat menilai diri anda sendiri sebelum dinilai oleh penemuduga.

Anda perlu melihat diri anda dari segi :

1. Kelebihan diri sendiri
2. Personaliti
3. Pencapaian Akademik dan Pekerjaan
4. Kekuatan dan kelemahan
5. Persepsi
6. Pengetahuan Am
7. Pengalaman Kerja

Kebanyakkan soalan penemuduga berkisar kepada aspek-aspek diatas. Cuba selami diri anda, dan senaraikan butir-butir tersebut, kenalpasti kelemahan anda dan cuba perbaikinya sebelum menghadiri temuduga. Anda pasti mempunyai objektif anda yang tersendiri apabila memohon sesuatu pekerjaan, dan apabila anda dipanggil untuk ditemuduga, anda juga mungkin mempunyai matlamat yang anda ingin capai sekiranya berjaya melepassi temuduga tersebut. Ya, anda sudah tentunya tahu akan objektif anda sendiri.

Tapi tahukah anda akan objektif penemuduga anda? Untuk berjaya dalam temuduga, anda perlulah mengetahui objektif penemuduga anda.

#### Berikut adalah diantara objektif-objektif penemuduga

Lazimnya, penemuduga akan mencari calon dengan ciri-ciri berikut :

1. Kebolehan berkomunikasi yang baik
2. Mempunyai kelayakan yang relevan
3. Bersemangat
4. Berinisiatif
5. Mempunyai rekod pekerjaan/pelajaran yang baik
6. Berperwatakan menarik

#### Unit kaunseling & kerjaya

1. Pn. Wan Saniah Wan Yahya (pegawai psikologi)
2. Pn. Nur Aimi Muslim (pegawai psikologi)
3. Cik Azieda Azizan (pembantu tadbir)